KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	24/11/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	KeTSA TNB			

1 Januari beralih guna bekalan elektrik TBB

HM 24.11.2021_20

Kuala Lumpur: Mulai 1 Januari depan, pengguna domestik dan industri di Semenanjung boleh memilih untuk beralih kepada penggunaan bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) yang dijana dari sumber loji jana kuasa solar dan hidro.

Bekalan elektrik bercirikan hijau dan mesra alam itu ditawarkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menerusi pelancaran Tarif Elektrik Hijau atau Green Electricity Tariff (GET), semalam.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, GET menawarkan 4500 GigaWatt jam tenaga elektrik daripada sumber TBB setahun.

Beliau berkata, jumlah berkenaan bersamaan dengan kapasiti yang boleh dibekalkan kepada 600,000 unit rumah untuk tempoh sebulan kepada pengguna elektrik di Semenanjung bagi tempoh 2022 hingga 2024.

"Bekalan elektrik daripada sumber TBB yang ditawarkan boleh ditambah berdasarkan permintaan.

"Pelanggan GET akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak 3.7 sen bagi setiap kiloWatt jam TBB yang dibeli melalui program ini," katanya.

Takiyuddin berkata, pengguna yang melanggan GET turut mendapat sijil yang mengesahkan bekalan eletrik itu bekalan elektrik daripada sumber TBB melalui sijil Malaysia Renewable Energy Certificates atau mREC yang berdaftar dengan badan pensijilan antarabangsa.